

Mengintai peluang di Koridor Utara

Usahawan Bumiputera perlu bijak rebut limpahan pembangunan besar-besaran



**Meniti
Arus**

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

B.H M/S 103/8/07

SETIAP kali bertemu teman lama, terutama yang terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan, soalan yang sering mereka ajukan kepada penulis ialah: "Apa ada peluang. Beritahulah jika ada!" Soalan sedemikian membayangkan bahawa mereka yang bertanya itu mempunyai cita-cita dan keinginan memajukan diri sendiri, tetapi tidak tahu apa yang harus dilakukan.

Mungkin juga mereka mahu mengumpulkan kekayaan secara cepat tanpa perlu berusaha keras, misalnya dengan mendapatkan kontrak kerajaan dan kemudian menyerahkan projek diperoleh untuk diusahakan orang lain.

Mereka akan berpuas hati dengan hanya mendapat sedikit habuan menerusi bayaran komisyen tanpa bersusah payah.

Apapun, satu perkara yang jelas daripada pertanyaan itu ialah mereka yang bertanya itu bukan terdiri daripada pengusaha tulen. Dengan kata lain, mereka tidak mempunyai daya keusahawanan atau tidak memiliki ciri-ciri seorang usahawan.

Seorang usahawan tulen perlu memiliki deria yang tinggi untuk menghidu peluang

projek berkenaan.

Jelaslah bahawa persepsi masyarakat Cina mengenai NCER amat berbeza dengan persepsi orang Melayu. Ketika orang Cina nampaknya bersungguh-sungguh mengintai peluang yang boleh mereka rebut, orang Melayu bimbang mereka akan terus terpinggir oleh arus pembangunan yang akan melanda kawasan masing-masing.

Di sinilah terletaknya perbezaan yang cukup ketara mengenai ciri-ciri keusahawanan orang Melayu dengan orang Cina. Mungkin ini salah satu punca kenapa Dasar Ekonomi Baru yang sudah dilaksanakan sejak 37 tahun lalu gagal melonjakkan pencapaian ekonomi Melayu ke tahap yang diharapkan.

Bagaimanapun, kini peluang untuk menjana kekayaan atau sekurang-kurangnya memperbaiki taraf hidup sudah dibawa ke kampung halaman orang Melayu menerusi konsep pembangunan koridor yang dilancarkan.

Memang tidak syak lagi bahawa rangka tindakan sosioekonomi NCER adalah satu garis panduan pembangunan komprehensif yang menjanjikan masa depan cerah kepada kira-kira 4.29 juta penduduk di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara.

Tujuannya ialah untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kadar pendapatan serta membasmi kemiskinan di kalangan penduduk di utara Semenanjung, kawasan di mana terdapat ramai golongan miskin.



INGIN TAHU: Penduduk setempat mengambil peluang untuk melihat model pembangunan Koridor Utara yang dilancarkan pada peringkat negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

perniagaan dan berusaha bersungguh-sungguh merebut peluang itu. Hanya selepas berhadapan masalah atau rintangan dalam merealisasikan impiannya, barulah usahawan itu berusaha mendapatkan bantuan pihak lain, bukan sebaliknya.

Harus diingat bahawa tiada siapa yang mempunyai idea atau sudah mengenal pasti sebarang peluang perniagaan sanggup menyerahkan peluang itu secara percuma kepada orang lain.

Minggu lalu, ketika meninjau pendapat umum di Alor Star, Pulau Pinang dan Parit Buntar menjelang pelancaran Rangka Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, soal yang sama banyak ditimbulkan.

Ada juga bertanya apa yang orang kampung seperti nelayan dan petani akan dapat daripada pelbagai projek yang dicadangkan di bawah rangka tindakan itu.

Di kalangan masyarakat Cina pula, reaksinya sangat berbeza. Mereka bukan kelihatan teruja, tetapi juga bertanyakan pelbagai soalan mengenai projek yang dirancang dan bagaimana mereka boleh mengambil bahagian dalam

Fokus pelaburan ialah kepada projek membangunkan modal insan, infrastruktur, inovasi serta peningkatan daya saing dengan berteraskan kepada perluasan sektor pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik.

Dari segi fokus untuk negeri pula, Kedah disarankan dijadikan hab pertanian moden berteknologi, Perlis sebagai pusat penyelidikan benih bertaraf dunia, Pulau Pinang sebagai hab logistik bersepadu serantau, sementara Perak Utara sebagai pusat pembangunan modal insan global.

Projek itu dijangka mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan menjelang 2012 atau sejuta pekerjaan pada 2018.

Pada keseluruhannya, pembangunan bernilai kira-kira RM177 bilion (RM59 bilion peruntukan kerajaan dan RM118 bilion menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta) dicurahkan ke 21 daerah dalam tempoh 18 tahun mulai sekarang hingga 2025.

Dengan peruntukan begitu besar dan daya usaha Sime Darby Berhad, sebuah GLC yang diamanahkan mempelopori usaha itu, adalah mustahil untuk mana-mana golongan terus terpinggir daripada arus pembangunan moden, kecuali mereka

yang terlalu malas dan semata-mata mengharap subsidi untuk terus hidup.

Sayugia diingat bahawa inilah kali pertama dalam sejarah negara sejak merdeka, pembangunan secara besar-besaran dibawa ke kawasan luar bandar dan terpencil, walaupun sebelum ini ada usaha membandarkan kawasan desa menerusi pembinaan pusat pertumbuhan baru seperti di kawasan Felda.

Bagi kerajaan, usaha ini satu langkah berani untuk merapatkan jurang sosioekonomi antara bandar dan luar bandar serta antara wilayah dengan wilayah. Oleh kerana secara kebetulan sebahagian besar daripada penduduk di Koridor Utara terdiri daripada orang Melayu, maka ia juga bertujuan merapatkan jurang pendapatan Melayu dengan bukan Melayu yang kebanyakannya tinggal di kawasan bandar.

Dengan kata lain, seorang usahawan Melayu yang benar-benar gigih tidak perlu lagi berhijrah ke Lembah Klang atau ke bandar lain untuk menjana kekayaan.

Mereka boleh terus tinggal di Kangar, Alor Star, Sungai Petani, Kulim, Parit Buntar atau Taiping dan meneruskan cita-cita menjadi jutawan. Apa yang perlu mereka

buat hanyalah meneliti dengan bijak rangka tindakan pembangunan yang sudah disediakan, mengenali pasti peluang boleh diceburi dan berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan peluang itu hingga menjadi kenyataan.

Yang lain, termasuk yang mungkin sudah tidak berdaya lagi kerana faktor usia dan sebagainya, perlu memastikan agar anak mereka tidak melepaskan peluang meningkatkan modal insan masing-masing supaya mereka tidak hanya berpuas hati menjadi kontraktor kelas F, peniaga mi goreng atau gerai tom yam di bawah pokok ketapang atau kuli kampung.

Mereka hendaklah dididik, dibimbing dan digalakkan untuk menjadi kontraktor besar, peniaga berjaya atau pekerja mahir dan profesional yang mampu bersaing pada peringkat antarabangsa. Masa untuk menunggu peluang datang bergolek ke atas riba sudah lama berlalu.

Datuk Abdul Rahman Sulaiman, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara